

Company Name : Wasco Greenergy Berhad
Date : 27 April 2026
Source : Berita Harian

Gas Malaysia, Wasco Greenergy kajian sistem wap biojisim industri

Bernama
April 27, 2026 @ 7:58pm



Gas Malaysia

KUALA LUMPUR: Gas Malaysia Bhd dan Wasco Greenergy Bhd telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi menjalankan kajian kebolehlaksanaan bersama berhubung sistem wap berasaskan biojisim untuk kegunaan industri di seluruh Semenanjung Malaysia.

Dalam kenyataan bersama, kedua-dua syarikat memaklumkan kajian tersebut akan memberi tumpuan kepada pemahaman permintaan industri, mengenal pasti lokasi projek berpotensi, menilai kesediaan bekalan bahan mentah, konfigurasi projek serta model perniagaan bagi menyokong pelaksanaan berskala besar kepada pelanggan industri.

"Di bawah MoU berkenaan, Gas Malaysia dan Wasco Greenergy secara bersama akan meneroka penyelesaian wap berasaskan biojisim untuk pelanggan industri, dengan memanfaatkan gabungan kepakaran komersial, infrastruktur dan teknikal mereka bagi menilai strategi pelaksanaan yang berdaya maju," menurut kenyataan itu.

Kajian turut merangkumi penilaian daya maju sistem wap biojisim di tapak dan berpusat, termasuk konfigurasi hibrid yang menggabungkan biojisim dan gas asli bagi meningkatkan kecekapan kos serta menyokong peralihan kepada penggunaan tenaga industri rendah karbon.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Gas Malaysia, Azli Mohamed berkata kerjasama itu membolehkan pihaknya menilai potensi biojisim dalam melengkapi tawaran sedia ada syarikat serta menyokong agenda peralihan tenaga negara.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Wasco Greenergy, Lee Yee Chong berkata penyahkarbonan haba industri memerlukan penyelesaian yang bukan sahaja berdaya maju dari segi teknikal, tetapi juga mampu diskalakan secara komersial.

"Kolaborasi ini membolehkan kami menilai dengan teliti di mana biojisim boleh digunakan pada skala besar di samping sistem tenaga sedia ada, untuk memberikan hasil yang praktikal dan berdaya saing kepada pengguna industri," katanya.

Menurut kenyataan itu, inisiatif tersebut selaras dengan strategi pertumbuhan jangka panjang Gas Malaysia yang memberi tumpuan kepada pengukuhan perniagaan teras serta pembangunan penyelesaian tenaga bernilai tambah dan rendah karbon.

Pada masa sama, ia mencerminkan strategi Wasco Greenergy selepas tawaran awam permulaan (IPO) untuk memperkukuh daya tahan pendapatan dan membina perniagaan mampan melalui model pemilikan aset serta penyampaian penyelesaian tenaga rendah karbon berskala.

– BERNAMA